



# **MANUAL PENGANJURAN KEJOHANAN**

**JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PERTANDINGAN  
PERSATUAN MEMANAH KEBANGSAAN MALAYSIA**

**01 JANUARI 2023**



## KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	Pengenalan 1.1 Takwim 1.2 Jenis Kejohanan	4 4
2.0	Penganjuran Kejohanan 2.1 Penganjuran Kejohanan Kebangsaan 2.2 Penganjuran Kejohanan Terbuka / Tertutup 2.3 Jemputan 2.4 Penyertaan 2.5 Dokumen Kejohanan 2.6 Program dan Protokol 2.7 Format Kejohanan 2.8 Struktur Pengurusan 2.9 Hadiah, Anugerah, Rekod	5 7 8 9 10 11 11 13 15
3.0	Definisi	17



## 1.0 PENGENALAN

---

Prosedur Penganjuran Kejohanan ini dibuat bertujuan untuk memberi panduan kepada komuniti penggerak sukan memanah bagi menganjurkan acara sukan memanah mengikut keperluan standard.

Keperluan ini amatlah penting bagi memastikan informasi kejohanan, tugas dan tanggungjawab jawatankuasa serta promosi berkaitan kejohanan dapat disampaikan dengan jelas agar memenuhi kehendak Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) serta peserta kejohanan.

Manual Penganjuran Kejohanan ini akan membimbing pihak penganjur menganjurkan kejohanan bermula dari proses permohonan kejohanan, proses perancangan kejohanan, penyediaan dan keperluan padang serta proses selepas tamat kejohanan.

Manual ini telah dirangka mengikut garis panduan penganjuran kejohanan World Archery (WA) serta buku peraturan WA. Buku peraturan WA akan sentiasa menjadi panduan sekiranya terdapat konflik berkaitan.

Sekiranya pihak penganjur mempunyai sebarang persoalan berkaitan manual ini, sila berhubung dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM.

Selamat maju jaya dengan penganjuran kejohanan anda.



## 1.1 Takwim

- 1.1.1 Tarikh kejohanan akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada bulan Oktober setiap tahun.
- 1.1.2 Tarikh yang dikeluarkan oleh NAAM adalah muktamad dan tidak boleh dipinda melainkan terdapat bencana, wabak, dan sebagainya yang berkaitan.
- 1.1.3 Sekiranya ada persatuan atau kelab ingin menganjurkan kejohanan, boleh memohon untuk dimasukkan dalam kalender NAAM secara bertulis sekurang-kurangnya 2 (dua) bulan sebelum tarikh penganjuran kejohanan. Tarikh tersebut hendaklah tidak bertindih dengan mana-mana kejohanan lain yang telah dimasukkan dalam kalender NAAM. Caj sebanyak RM 50.00 akan dikenakan untuk tujuan tersebut.

## 1.2 Jenis Kejohanan

NAAM akan mengelola, mengendalikan dan mengatur kejohanan seperti berikut:

Bil	Kejohanan	Kategori					
1	Kejohanan Memanah Kebangsaan	RM	RW	CM	CW	BM	BW
2	Kejohanan Memanah Remaja Kebangsaan	RU21M	RU21W	RU15M	RU15W	CU21M	CU21W
3	Kejohanan Memanah Kebangsaan Bawah 12 & 15 Tahun	RU15M	RU15W	RU12B	RU12G		
4	Kejohanan Memanah Para Kebangsaan Sirkit 1 / 2	RMO	RWO	CMO	CWO		
5	Kejohanan Memanah Wanita Kebangsaan	RW	CW	BW			
6	Kejohanan Memanah Dalam Dewan Kebangsaan (Indoor)	RM	RW	CM	CW	BM	BW
7	Kategori Master 50+	R50M	R50W	C50M	C50W	B50M	B50W



## 2.0 PENGANJURAN KEJOHANAN

Mana - mana Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu NAAM yang ingin menganjurkan Kejohanan Memanah Kebangsaan (1.2.1 hingga 1.2.6) perlulah mengikut keperluan serta syarat - syarat yang ditetapkan oleh NAAM dan boleh membuat tawaran kepada Pengerusi Teknikal dan Pertandingan NAAM melalui persatuan masing - masing.

### 2.1 Penganjuran Kejohanan Memanah Kebangsaan

- 2.1.1 Tawaran mestilah dalam bentuk bertulis dengan menyatakan butiran seperti berikut:
  - 2.1.1.1 Mengisi Borang Permohonan Penganjuran Kejohanan Kebangsaan.
  - 2.1.1.2 Memilih tarikh yang telah ditetapkan oleh NAAM.
  - 2.1.1.3 Menetapkan venue kejohanan.
  - 2.1.1.4 Bakal penganjur haruslah memberi jaminan bahawa mereka akan menyediakan semua kemudahan dan mematuhi semua spesifikasi manual penganjuran yang berkuat kuasa pada masa kontrak tawaran ditandatangani.
  - 2.1.1.5 Kenyataan bertulis menerima Undang - undang World Archery dan NAAM termasuk kod etika.
  - 2.1.1.6 Lain - lain keperluan dari NAAM (seperti yang terdapat di dalam borang permohonan)
- 2.1.2 Pemilihan penganjur akan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM daripada permohonan yang layak. Mereka yang layak perlu membayar RM 300.00 kepada NAAM sebagai yuran penganjuran.
- 2.1.3 Sekiranya penganjur telah diamanahkan atau diberi hak penganjuran, sekiranya gagal atau tidak dapat menganjurkan kejohanan, haruslah memaklumkan kepada pihak NAAM 3 (tiga) bulan sebelum tarikh kejohanan. Jika gagal memaklumkan dalam masa 3 (tiga) bulan, NAAM



berhak menggantung Ahli Gabungan dari sebarang aktiviti NAAM seperti mesyuarat agong, menyertai kejohanan kebangsaan dan kursus – kursus anjuran NAAM. Yuran penganjuran (Perkara 2.3) tidak akan dikembalikan.

- 2.1.4 Penganjur yang gagal untuk menganjurkan kejohanan akan menanggung kesemua kos yang telah dikeluarkan bagi membuat persediaan penganjuran tersebut.
- 2.1.5 Perlantikan semula penganjur bagi kejohanan yang telah dibuat akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM.
- 2.1.6 Kejohanan Memanah Kebangsaan tidak boleh dianjurkan bersekali dengan mana-mana Kejohanan Memanah Terbuka atau Tertutup. Ini bermaksud tidak boleh anjurkan 2 (dua) kejohanan dalam 1 (satu) kejohanan.
- 2.1.7 Ranking kebangsaan akan diiktiraf di Kejohanan Memanah Kebangsaan.
- 2.1.8 Sekiranya Penganjur yang dilantik ingin menukar venue kejohanan, ianya boleh dilakukan sekiranya terdapat beberapa faktor yang munasabah dan mendapat persetujuan dari Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM. Sekiranya Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM menolak untuk menukar venue, pihak penganjur harus meneruskan penganjuran kejohanan di venue berkenaan atau hak penganjuran boleh ditarik balik. Jika diluluskan atau tidak diluluskan untuk menukar venue atau dibatalkan, perbelanjaan proses adalah tanggungjawab pihak penganjur.

## 2.2 Jemputan

- 2.3.1 Jemputan haruslah diedarkan kepada kesemua Ahli Gabungan yang layak bertanding serta kepada NAAM (Setiausaha Kehormat dan Pengurus Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan).
- 2.3.2 Sekurang-kurangnya 3 (tiga) bulan sebelum hari pertama kejohanan, pihak penganjur perlu edarkan maklumat seperti berikut:



- 2.3.2.1 Surat Jemputan kepada Ahli Gabungan dan Ahli Bersekutu yang layak bertanding.
  - 2.3.2.2 Maklumat terperinci mengenai bayaran yuran.
  - 2.3.2.3 Maklumat berkaitan penginapan, pengangkutan, makanan, kos dan lain-lain.
  - 2.3.2.4 Borang penyertaan akhir meminta nama peserta dan pegawai yang dimasukkan untuk setiap acara.
- 2.3.3 Sekurang-kurangnya 1 (satu) bulan sebelum kejohanan pihak penganjur telah menghantar jumlah dan senarai nama peserta dan pegawai kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM.

#### **2.4 Penyertaan**

Semua Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu yang bernaung dengan NAAM dan telah membayar yuran gabungan pada tahun semasa adalah layak untuk menghantar atlet ke kejohanan.

- 2.4.1 Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu yang ingin mendaftar menyertai kejohanan haruslah memenuhi kriteria seperti berikut:
  - 2.4.1.1 Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.
  - 2.4.1.2 Kejohanan Kebangsaan, Ahli gabungan perlu daftar masuk di NATIONAL MAREOS melalui <https://mareos.masarchery.org/> dengan menggunakan alamat email dan kata laluan yang telah ditetapkan oleh NAAM.
  - 2.4.1.3 Pasukan yang mendaftar selepas tarikh tutup kejohanan atau membuat perubahan selepas tarikh tutup akan dikenakan denda sebanyak RM50.00 bagi setiap pemanah atau pertukaran.
  - 2.4.1.4 Sekiranya peserta menarik diri atau membatalkan penyertaan selepas tarikh tutup, yuran tidak akan dikembalikan.
  - 2.4.1.5 Dalam keadaan tertentu, NAAM dan pihak penganjur akan menerima penyertaan lewat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.



- 2.4.2 Penyertaan yang dihantar selepas tarikh tutup boleh ditolak oleh NAAM atau pihak penganjur. Walau bagaimanapun, jika penyebab kelewatan itu disebabkan oleh keadaan di luar kawalan, NAAM dan pihak penganjur boleh menerima pendaftaran itu dan denda akan tetap dikenakan. NAAM berhak untuk menolak sebarang kemasukan selepas tarikh tutup jika kemasukan tersebut akan menyebabkan perubahan dalam program atau menyebabkan masalah pengurusan yang lain. Keputusan sedemikian hendaklah dipertimbangkan dan dibincangkan oleh Pengerusi Teknikal dan Pertandingan NAAM selepas berunding dengan Jawatankuasa Penganjur.
- 2.4.3 Pendaftaran penyertaan bermaksud:
- 2.4.3.1 Mengesahkan bahawa Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu mempunyai rekod yang baik dengan NAAM; aktif dan tiada tunggakan yuran tahunan.
  - 2.4.3.2 Semua tanggungan, perbelanjaan, insuran pegawai dan atlet adalah dilindungi oleh Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu jika sekiranya berlaku kes penyakit, cedera atau kemalangan.
  - 2.4.3.3 Semua atlet dan pegawai telah menandatangani Perjanjian Anti-Doping.
- Jika kesemua di atas tidak lengkap, pasukan tersebut tidak layak untuk menyertai kejonanan.
- 2.4.4 Jumlah atlet untuk menyertai kejohanan kebangsaan adalah terhad.
- 2.4.4.1 Setiap pasukan hanya boleh menghantar maksimum 8 orang peserta bagi setiap kategori.
  - 2.4.4.2 Setiap kategori boleh mendaftar 1 pasukan sahaja.

## 2.5 Dokumen Kejohanan

Pihak penganjur bertanggungjawab menyediakan dokumen berikut:

- 2.5.1 Tentatif program:

- 2.5.1.1 Tarikh



- 2.5.1.2 Masa
  - 2.5.1.3 Venue kejohanan
  - 2.5.1.4 Aturcara masjlis perasmian dan penutup
  - 2.5.1.5 Perkhidmatan kepada atlet serta pegawai sebelum dan semasa kejohanan
  - 2.5.1.6 Kelulusan oleh Jawatankuasa Tenikal dan Pertandingan NAAM.
- 2.5.2 Mempamerkan senarai permulaan (starting list), keputusan semasa (running results) dan keputusan akhir (official results) di venue.
- 2.5.3 Senarai keputusan penuh akan diedarkan oleh NAAM selepas kejohanan tamat.

## **2.6 Program dan Protokol**

- 2.6.1 Program dan Protokol wajib dibuat oleh pihak pengangur dan akan diterbitkan dalam jemputan kejohanan.
- 2.6.2 Program kejohanan hendaklah dimasukkan:
  - 2.6.2.1 Mesyuarat pengurus pasukan.
  - 2.6.2.2 Pemeriksaan peralatan.
  - 2.6.2.3 Latihan rasmi.
  - 2.6.2.4 Majlis pembukaan
  - 2.6.2.5 Pertandingan
  - 2.6.2.6 Penyampaian hadiah
  - 2.6.2.7 Majlis penutup
- 2.6.3 Jadual ini bergantung kepada bilangan atlet mengikut kategori dan ruang yang ada.

## **2.7 Format Kejohanan**

- 2.7.1 Format **WAJIB** bagi Kejohanan Memanah Kebangsaan:



Kategori	Format	Pusingan Penyingkiran			Target Faces
		Individu	Berpasukan	Campuran	
Recurve (RM / RW)	70 meter Rounds	1/32	1/8	1/8	122 cm
Compound (CM / CW)	50 meter Rounds	1/32	1/8	1/8	80 cm 6-rings
Barebow (BM / BW)	50 meter Rounds	1/32	1/8	1/8	122 cm

#### 2.7.2 Format WAJIB bagi Kejohanan Memanah Remaja Kebangsaan:

Kategori	Format	Pusingan Penyingkiran			Target Faces
		Individu	Berpasukan	Campuran	
Recurve Under 21 (16 – 21 tahun) (RU21M/RU21W)	70 meter Rounds	1/32	1/8	1/8	122 cm
Compound Under 21 (13 – 21 tahun) (CU21M/CU21W)	50 meter Rounds	1/32	1/8	1/8	80 cm 6-rings

#### 2.7.3 Format WAJIB bagi Kejohanan Memanah Kebangsaan (Indoor):

Kategori	Format	Pusingan Penyingkiran			Target Faces
		Individu	Berpasukan	Campuran	
Recurve (RM / RW)	18 meter Rounds	1/32	-	-	Triple face recurve
Compound (CM / CW)	18 meter Rounds	1/32	-	-	Triple face compound
Barebow (BM / BW)	18 meter Rounds	1/32	-	-	40 cm full rings

#### 2.7.4 Format WAJIB bagi Kejohanan Memanah Para Kebangsaan:

Kategori	Format	Pusingan Penyingkiran			Target Faces
		Individu	Berpasukan	Campuran	
Kategori 1 Recurve	70 meter Rounds	1/32	1/8	1/8	122 cm



Kategori 1 Compound	0 meter Rounds	1/32	1/8	1/8	80 cm 6-rings
Kategori 2 Recurve	1440 Rounds (30 meter)	-	-	-	80 cm

2.7.5 Format **WAJIB** bagi Kejohanan Memanah Kebangsaan Bawah 12 & 15 tahun:

Kategori	Format	Pusingan Penyingkiran			Target Faces
		Individu	Berpasukan	Campuran	
Recurve Under 15 (13 – 15 tahun) (RU15M/RU15W)	1440 rounds (50 meter x 2 set) (30 meter x 2 set)	-	-	-	80 cm 6 Rings
Recurve Under 12 (10 – 12 tahun) (RU12B/RU12G)	1440 rounds (30 meter x 2 set) (20 meter x 2 set)	-	-	-	80 cm 6 Rings

2.7.6 Presiden atau Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM boleh mengubah jadual kejohanan untuk menampung keperluan yang wajar oleh penyiar TV. Pelarasan sedemikian hendaklah dibuat dengan kerjasama pihak penganjur. Sebarang pelarasan hendaklah diambil kira, sebagai keutamaan, kepentingan atlet yang perlu dimaklumkan mengenai perubahan dengan seberapa segera yang mungkin.

## 2.8 Struktur Pengurusan

2.8.1 Struktur pengurusan terdiri kepada:

2.8.1.1 Jawatankuasa Penyelarasan.

2.8.1.2 Jawatankuasa Penganjur.

2.8.2 Jawatankuasa Penyelarasan terdiri daripada:

2.8.2.1 Presiden NAAM



- 2.8.2.2 Delegasi Teknikal yang dilantik oleh NAAM bagi memastikan aspek teknikal kejohanan adalah berada dalam keadaan sempurna.
  - 2.8.2.3 Presiden Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu yang menganjur
  - 2.8.2.4 Pengurus Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM
  - 2.8.2.5 Pengurus Jawatankuasa Penganjur
  - 2.8.2.6 Setiausaha Kehormat NAAM
  - 2.8.2.7 Bendahari Kehormat NAAM
- 2.8.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Penyelarasan:
- 2.8.3.1 Pengawasan kelancaran kejohanan.
  - 2.8.3.2 Pelaksanaan peraturan dan undang-undang.
  - 2.8.3.3 Menyelesaikan sebarang pertikaian, aduan atau protes yang tidak melibatkan sebarang jawatankuasa lain atau Juri Rayuan.
  - 2.8.3.4 Mengambil tindakan kecemasan untuk memastikan kelancaran kejohanan dan melindungi reputasi NAAM.
  - 2.8.3.5 Menentukan sebarang perkara lain yang tidak terkandung dalam perlembagaan atau peraturan.
  - 2.8.3.6 Menyelia organisasi upacara atau majlis.
- 2.8.4 Tanggungjawab Jawatankuasa Penganjur:
- 2.8.4.1 Memastikan kelancaran kejohanan dan melaksanakan keputusan Jawatankuasa Penyelarasan.
  - 2.8.4.2 Melaporkan setiap perkembangan terkini sepanjang persiapan kejohanan dari mula jawatankuasa ditubuhkan sehingga persiapan akhir kepada Jawatankuasa Penyelarasan.
  - 2.8.4.3 Membuat pengaturan kewangan bagi kejohanan yang diperuntukkan kepada mereka dalam menentukan jumlah yuran dan jenis yuran yang dikenakan (mengikut jumlah maksimum yang ditetapkan oleh NAAM) dan jumlah perbelanjaan kejohanan.



- 2.8.4.4 Membiaayai kos bayaran penginapan, makanan, perjalanan dan elauan teknikal (mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh NAAM).
- 2.8.5 Ketua Delegasi Teknikal/ Compeititon Manager (1 orang), Pasukan Keputusan (2-4 orang) dan Media (2-4 orang) serta Pengurus Venue (1 orang) akan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan NAAM untuk membantu Jawatankuasa Penyelaras, Penganjur dan Delegasi Teknikal untuk memastikan senarai permulaan dan permarkahan dikeluarkan dengan betul, mengesahkan serta menerbitkan senarai keputusan dan mengemaskini serta mengesahkan ranking kebangsaan pemanah dan pasukan.
- 2.8.6 Ketua Juri (1 orang), Juri (2 orang - jika perlu), Ketua Hakim (1 orang), Hakim (minimum 8 orang, maksimum 12 orang), D.O.S. (1 orang) dan Pembantu D.O.S. (1 orang - jika perlu) akan dilantik oleh Pengerusi Kehakiman NAAM untuk memastikan segala aspek peraturan semasa kejohanan diadili dengan betul dan sempurna.

## 2.9 Hadiah, Anugerah dan Rekod

### 2.9.1 Medal

- 2.9.1.1 Diberikan kepada pemenang di tempat pertama, kedua dan ketiga bagi setiap acara Pusingan Penyingkiran

### 2.9.2 Anugerah

- 2.9.2.1 Sijil penyertaan perlu diberikan kepada semua peserta.

- 2.9.2.2 Sijil Pemenang (Kejohanan Memanah Kebangsaan) perlu diberikan kepada setiap pemanah dari tempat pertama hingga tempat ketiga (Pusingan Penyingkiran) bagi acara individu.

### 2.9.3 Rekod Kebangsaan

- 2.9.3.1 Penglibatan dalam kejohanan berikut akan diambil kira sebagai Rekod Kebangsaan:

- 2.9.3.1.1 Sukan Olimpik

- 2.9.3.1.2 Sukan Komanwel



- 2.9.3.1.3 Sukan Asia
- 2.9.3.1.4 Sukan SEA
- 2.9.3.1.5 Kejohanan Memanah Dunia (anjuran WA / WAA)
- 2.9.3.1.6 Kejohanan Memanah Kebangsaan
- 2.9.3.1.7 Kejohanan Memanah Kebangsaan Siri 1 - 3
- 2.9.3.1.8 Kejohanan Memanah Remaja Kebangsaan
- 2.9.3.1.9 Kejohanan Memanah Remaja Kebangsaan Siri 1 - 3
- 2.9.3.1.10 Kejohanan Memanah Kebangsaan Bawah 12 & 15 Tahun Siri 1, 2 dan 3.
- 2.9.3.1.11 Sukan Malaysia (SUKMA)
- 2.9.3.2 Selain daripada kejohanan yang disenaraikan pada perkara 2.9.3.1, rekod yang dihasilkan tidak akan diambil kira.
- 2.9.3.3 Untuk setiap rekod yang dicipta, kertas pemarkahan (score card) haruslah disimpan dan ditandatangan oleh TD/CM, Ketua Hakim dan pengesah skor untuk rujukan NAAM.

## **2.10 Penganjuran Kejohanan Memanah Terbuka atau Tertutup**

- 2.10.1 Setiap Persatuan atau Kelab yang sah berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) dan menjadi Ahli Gabungan atau Ahli Bersekutu NAAM atau Negeri masing - masing boleh menganjurkan kejohanan terbuka atau tertutup.
- 2.10.2 Untuk mendapatkan pengiktirafan atau kebenaran dari NAAM (jika persatuan negeri)/ NAAM dan Persatuan Memanah Negeri (jika persatuan dearah/ kelab), pihak pengajur perlulah menghantar surat permohonan pengiktirafan atau kebenaran untuk penganjuran kejohanan. Butiran surat perlulah mengandungi:
  - 2.10.2.1 Nama kejohanan
  - 2.10.2.2 Tarikh kejohanan
  - 2.10.2.3 Venue kejohanan
  - 2.10.2.4 Maklumat lain yang perlu dilampirkan:



- Surat jemputan
  - Maklumat kejohanan
  - Format kejohanan
  - Jadual kejohanan
  - Borang pendaftaran
- 2.10.3 Pihak penganjur perlu mendapatkan kebenaran atau kelulusan daripada pihak PJS dan NAAM untuk menganjurkan sesebuah kejohanan. Jika penganjur menganjurkan kejohanan memanah tanpa kebenaran atau kelulusan dari pihak PJS atau NAAM, Jawatankuasa Tertib boleh mengenakan hukuman gantung selama 6 bulan sehingga 3 tahun kepada pihak penganjur yang terlibat ataupun denda sebanyak RM1,000.00 ataupun kedua-duanya sekali.
- 2.10.4 Pegawai Teknikal adalah lantikan daripada NAAM (1 orang Ketua Hakim), dilantik mengikut kesesuaian dan peruntukan kejohanan tersebut. Segala perbelanjaan perjalanan, makanan, penginapan dan elaun adalah dibawah tanggungan pihak penganjur.
- 2.2.5 Kos bayaran penginapan, makanan, perjalanan dan elaun teknikal (mengikut kadar yang telah ditetapkan) adalah di bawah tanggungjawab Penganjur. Penganjur perlu membayar mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh NAAM.
- 2.2.6 Jika melibatkan jemputan antarabangsa, pihak penganjur perlu melibatkan NAAM dalam jawatankuasa penganjur.